

10/07/2002

Medan penentu buktikan parti mana pilihan pengundi Melayu

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ADA yang menyatakan pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit adalah pertandingan antara Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Ia kerana mereka bakal meneraju Umno dan Pas, masing-masing sebagai Presiden parti tahun depan. Malah, Abdullah yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Kecil Pendang dan Anak Bukit Barisan Nasional (BN) adalah bakal Perdana Menteri selepas Oktober tahun depan menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Justeru, ramai beranggapan tugas atau ujian pertamanya adalah pilihan raya ini. Begitu juga Abdul Hadi yang kini pemangku Presiden Pas berikutan kematian Allahyarham Datuk Fadzil Noor dan diramal disahkan sebagai presiden pada pemilihan parti tahun depan.

Ada juga yang berpendapat pilihan raya ini akan menentukan hidup mati Pas selepas kejayaan cemerlang pada pilihan raya umum 1999. Di Kedah saja Pas memenangi 12 daripada 36 DUN dan lapan daripada 15 kawasan Parlimen.

Berikutan kemenangan Keadilan di Lunas pada pilihan raya kecil, pembangkang kini memiliki 13 wakil di DUN Kedah, sekali gus menafikan majoriti dua pertiga BN di negeri itu.

Selain itu, Pas berjaya menawan Terengganu dan mengekalkan Kelantan serta bertapak, di Pahang, Perak dan Selangor.

Tidak kurang juga yang berpendapat pilihan raya kecil ini akan menjawab persoalan sebenar sama ada Pas sememangnya mendapat sokongan sebahagian besar pengundi Melayu seperti yang didakwa parti itu berikutan kejayaan pada pilihan raya umum 1999.

Ia kerana ramai yang memperkatakan keupayaan Pas pada 1999 dibantu isu Datuk Seri Anwar Ibrahim dan masalah dalaman Umno di beberapa negeri, khususnya di negeri Pantai Timur dan Kedah serta kesilapan dalam pemilihan calon.

Pemimpin Umno sendiri yakin bahawa pilihan raya umum 1999 bukan menggambarkan kekuatan sebenar pembangkang, malah keupayaan Pas banyak dibantu oleh isu Anwar dan Keadilan yang dikatakan berjaya mempengaruhi pengundi, khususnya pengundi atas pagar dan golongan muda.

Bagaimanapun, walau apa pendapat dan pandangan yang diberikan, pilihan raya kecil ini penting bagi kedua-dua parti, khususnya Pas yang akan mempertahankan kedua-dua kerusi, sekali gus membuktikan sokongan rakyat masih pada mereka.

Begitu juga dengan Umno yang pada kali ini turun sebagai 'under dog'. Berikutan itu, sebagai parti memerintah, ia mempunyai tugas menafikan dakwaan Pas kononnya Melayu dan golongan muda mahukan perubahan.

Berikutan label 'underdog' yang dibawa Umno, tekanan adalah pada Pas untuk meneruskan nasibnya dalam politik negara serta menentukan sama ada Pas masih relevan atau sebaliknya. Jika kalah, Pas menghadapi kesukaran menghadapi pilihan raya umum yang dikatakan akan diadakan tahun depan.

Tetapi, jika menang, ia bukan saja menjadi azimat untuk menghadapi pilihan raya umum tahun depan, malah sekurang-kurangnya dapat bermegah memberitahu dunia bahawa Umno dan BN bakal menghadapi tugas berat pada pilihan raya umum akan datang.

Pada masa sama, Umno, walaupun dikatakan tidak perlu membuktikan apa-apa, ia adalah medan meneruskan pencapaian selepas berjaya membuktikan pembangkang tidak mendapat sokongan di Indera Kayangan, Perlis dan Ketari, di Pahang sebelum ini.

Justeru, pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit sebenarnya adalah pertandingan antara Pas dengan Umno bagi membuktikan kewibawaan masing-masing, jika pun bukan medan ujian untuk Abdullah dan Abdul Hadi.

Ia juga medan kedua-dua parti membuktikan parti mana yang disokong oleh pengundi Melayu.

Pilihan raya ini juga penting bagi Umno kerana Indera Kayangan dan Ketari bukan pilihan raya parti itu kerana yang bertanding ialah MCA. Ia bukan medan tulen menentukan sama ada Umno atau Pas yang mendapat sokongan Melayu. Ia penting kerana selepas pilihan raya umum 1999, Pas mendakwa sokongan Melayu kepada Umno sudah merosot.

Seperkara lagi mengenai pilihan raya ini ialah mengenai pengaruh Pas di Kedah. Selepas berjaya mengejutkan Umno dengan memenangi 12 DUN dan lapan kawasan Parlimen, parti itu pasti mahu memastikan ia masih menjadi pilihan sebahagian besar rakyat negeri itu.

Kemenangan akan menjadi tangkal untuk parti itu mencuba nasib untuk menawan Kedah pada pilihan raya akan datang. Bagi Umno pula, kejayaan merampas semula kedua-dua kerusi bakal menjadi bekalan untuk menyemarakkan lagi semangat menyekat hasrat Pas itu.

Penentuan kelak terletak kepada 53,128 pengundi di Pendang dan 19,399 di Anak Bukit. Terpulang kepada mereka sama ada memilih Datuk Othman Abdul atau Dr Mohamad Hayati Othman di Pendang dan Datuk Zakaria Said atau Amiruddin Hamzah di Anak Bukit.